

ESTETIKA WAU DALAM BUDAYA MELAYU

AZLINA MUSA

Universiti Malaysia Terengganu

azlinamusa@umt.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini akan membincangkan estetika wau dalam konteks budaya Melayu. Wau merupakan salah satu permainan tradisional Melayu yang masih dipraktikkan sehingga hari ini. Permasalahan kajian ialah bagaimana asal usul tradisi pembuatan wau dalam konteks budaya Melayu. Apakah makna yang terkandung dalam motif-motif rekaan wau yang dicipta oleh tukang wau bertauliah. Apa fungsi dan kegunaan wau dalam kehidupan masyarakat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk meneliti asal usul wau dalam konteks budaya Melayu. Mengkaji makna pada motif-motif rekaan wau yang dicipta oleh tukang wau bertauliah. Meninjau pelbagai fungsi dan kegunaan wau dalam masyarakat Melayu. Kaedah kajian yang digunakan adalah kajian lapangan melalui pemerhatian, temu bual dengan tukang wau, dan dilengkapi dengan kajian kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa wau masih mengekalkan cara tradisional dalam seni permainan dan pembuatannya, serta masih mendapat permintaan dan kegunaan yang pelbagai dalam kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sumber rujukan untuk memahami estetika wau tradisional yang terkandung dalam warisan budaya Melayu yang masih dipelihara sehingga kini.

Kata kunci: wau; permainan tradisional; fungsi; estetika; budaya Melayu

ABSTRACT

This article discusses the aesthetics of the traditional Malay kite, or wau, within the context of Malay culture. The wau is one of the enduring traditional Malay games still practiced today. The research problems explored are the origins of the wau-making tradition within Malay culture. The meanings contained in the motifs designed by certified wau makers. The various functions and uses of the wau within Malay society. The study aims to examine the origins of wau-making in the Malay cultural context. Analyze the meanings and symbolism in the motifs designed by certified wau makers. Investigate the diverse functions and uses of the wau in Malay communities. The research methodology involves field studies through observation, interviews with wau experts, and supplementary literature review. The findings indicate that the wau still retains traditional methods of play and craftsmanship and continues to have diverse demand and applications within the Malay populace. This study is expected to serve as a reference to better understand the traditional aesthetics and values embedded in the Malay cultural heritage that is still preserved.

Key words: wau; traditional game; function; aesthetics; Malay culture

PENGENALAN

Permainan tradisional masyarakat Melayu merupakan permainan warisan yang diperturunkan dari generasi ke generasi. Namun pada masa kini, permainan tradisional tidak lagi menjadi permainan utama bagi generasi kini. Generasi muda hari ini adalah lebih terdedah dengan permainan yang berasaskan komputer dan digital. (Zuriawati Ahmad Zahari, Mohd Asyiek Mat Desa, Norfarizah Mohd Bakhir, 2014: 1). Berikutan itu kepesatan pembangunan teknologi sekarang telah merubah cara hidup dan sosiobudaya masyarakat pada hari ini. Aktiviti permainan tradisional pada masa kini sudah jarang lagi diketahui kewujudannya oleh generasi muda pada masa sekarang.

Oleh yang demikian, wau merupakan salah satu permainan tradisi orang Melayu yang tersohor semenjak zaman dahulu dan sekarang. Wau menjadi permainan tradisi untuk mengisi masa lapang dan masih dimainkan oleh masyarakat di bahagian Pantai Timur khususnya di Kelantan dan Terengganu. Selain itu wau mempunyai pelbagai saiz, bentuk, rekaan corak dan warna yang dapat menarik perhatian masyarakat dengan permainan tersebut.

Selain itu perkataan wau adalah dikatakan berasal daripada perkataan kerajaan Melayu Patani di Selatan Thailand, Kelantan, Terengganu, Perlis dan Kedah adalah menggunakan perkataan wau. Sebaliknya bagi masyarakat yang menetap di bahagian Pantai Barat adalah wau lebih dikenali sebagai layang-layang. Disamping itu perkataan wau dipanggil sebagai wau kerana ia menghasilkan bunyi 'wau' secara berirama apabila wau di naikkan ke ruang udara. Keupayaan wau mampu dinaikkan tinggi di udara kerana daun yang dipasang pada busur yang diikat diatas wau (Wan Abdul Kadir: 1993).

Sementara itu menurut Wayne Hosking (2004) dalam bukunya yang bertajuk "*Kites of Malaysia*" yang mengatakan perkataan wau adalah berasal daripada perkataan Belanda iaitu "Wouw" yang merujuk kepada "Wouw" yang merujuk kepada sejenis burung besar yang dijumpai di Asia Tenggara. Sebaliknya bagi masyarakat di negeri Kedah pula menyatakan perkataan wau adalah berasal daripada perkataan Thailand kerana masyarakat Thailand juga menyebutnya sebagai wau.

Selain itu Wan Abdul Kadir (1993) menyatakan bahawa wau turut mendapat namanya kerana wau itu adalah asalnya sejenis permainan yang tanpa nama. Pada mulanya permainan ini adalah dimainkan oleh kanak-kanak dari daun-daun kayu yang diikat dengan tali pada tulang belakang daun-daun itu. Wau kebiasaannya dimainkan di tempat yang berangin. Tali-tali wau itu adalah dibuat daripada urat-urat kelopak batang pisang atau urat-urat dari daun nenas. Apabila daun itu dimainkan dan terkena tiupan angin, ianya melawan angin dan naik ke udara. Ini yang membolehkan terbitnya perkataan wau adalah berpunca dari suatu cerita, iaitu pada suatu hari daun-daun yang dimainkan oleh kanak-kanak itu telah putus dari talinya ditiup angin yang kuat. Kanak-kanak itu menangis, apabila ditanya oleh bapa kanak-kanak itu, mengapa anaknya meraung wa! wa! wa! itu. Maka jawab orang nun melayang wa! wa! wa! putus-putus. Ia berpunca dari peristiwa inilah terbitnya perkataan wau yang dikenali sekarang dengan permainan wau.

Disebabkan itu wau dikatakan telah dimainkan oleh orang Melayu sekitar kurun ke-15 Masihi. Permainan wau ini dikatakan lebih digemari dalam kalangan masyarakat Pantai Timur khususnya di Kelantan dan Terengganu. Permainan wau dikatakan mengisi masa lapang dan menjadi satu permainan tradisi yang dimainkan dalam kalangan masyarakat selepas musim menuai padi. Kebanyakan masyarakat yang telah selesai bersawah padi akan berkumpul secara beramai-ramai di tempat kawasan yang lapang untuk bermain wau. Selain itu permainan wau juga sebagai salah satu aktiviti permainan dalam pesta tahunan dan pertandingan wau antara daerah (Wan Abdul Kadir: 1993).

KONSEP/TEORI ESTETIKA

Abdul Halim Ali (2014) yang menyatakan Plato telah membahagikan keindahan kepada dua jenis iaitu keindahan benda dan keindahan hakiki. Selain itu istilah keindahan (*beautiful*) tidak lagi digunakan sebaliknya istilah estetik yang diperkenalkan oleh Alexender Baumgarten pada abad ke-18 telah dipopularkan dan berkembang menjadi konsep keindahan.

Sebaliknya Bendetto (1972) menjelaskan keindahan yang mengikut Al-Ghazali ialah nikmat yang tersendiri yang dihayati kerananya dan bukan kerana tujuan yang lain. Keindahan tiap-tiap satu benda itu adalah terletak pada kesempurnaannya yang disedarinya melalui sifatnya. Pada pendapat beliau, keindahan bentuk luar yang dilihat oleh mata kasar, dapat dialami oleh kanak-kanak akan tetapi keindahan bentuk batin hanyalah dapat diamati oleh mata hati dan cahaya penglihatan batin manusia. Sehubungan itu, aspek estetika ialah tentang keindahan atau bentuk (sifat yang tersendiri). Keindahan kesenian itu adalah bukan sesuatu bentuk yang indah tetapi perwakilan. Ini adalah bermakna bahawa konsep estetika dan karya adalah sesuatu keadaan yang tidak semestinya mewakili atau pun tentang keindahan yang sepenuhnya sungguh pun ada hubungan dengannya. Selain itu estetika adalah merupakan cabang falsafah yang telah membincangkan keindahan, nilai seni dan pengalaman emosi yang dihasilkan daripada sesuatu karya seni. Menurut teori estetika, keindahan adalah terletak pada keharmonian, keseimbangan dan keteraturan yang mampu menyentuh emosi manusia yang tersentuh dengan keindahan penghasilan karya seni tersebut.

Setiap sentuhan hasil pertukangan wau yang memberi keindahan wau adalah terletak pada tukang yang mahir yang menterjemahkan dalam seni pembuatan wau. Tukang mahir berkeupayaan melukis motif rekaan corak wau dengan baik. Keindahan terpacar dalam aspek luaran dan dalaman wau yang dihasilkan oleh tukang bertauliah. Selain kefungsiannya dan kepelbagaian gunaan wau dalam kehidupan masyarakat mempamerkan estetika wau dalam menarik perhatian masyarakat.

Dalam usaha itu tukang wau harus mempamerkan ketekunan dalam seni pembuatan wau tradisional seperti wau bulan, wau kucing, wau jala budi dan sebagainya adalah manifestasi keindahan yang dipadukan dengan nilai budaya Melayu. Setiap elemen pada wau daripada corak geometri yang simetri, motif flora dan fauna yang halus hingga pilihan warna yang cerah dan simbolik adalah menggambarkan rasa estetika yang mendalam. Sebagai contoh adalah warna-warna cerah pada wau bukan sahaja mencerminkan keindahan visual tetapi juga menyimbolkan keceriaan dan hubungan harmoni antara manusia dengan alam semulajadi. Seperti yang dinyatakan oleh Razi Said (2021) bahawa wau adalah tidak sekadar alat permainan tradisional tetapi ia juga adalah karya seni yang mencerminkan falsafah kehidupan masyarakat Melayu. Keindahan wau adalah terletak pada keseimbangan antara fungsi dan estetikanya yang membuktikan bahawa seni dan budaya adalah senantiasa berjalan yang seiring dalam masyarakat tradisional.

PERMAINAN TRADISIONAL WAU MELAYU

Permainan tradisional wau Melayu merupakan salah satu permainan tradisional masyarakat Melayu warisan turun temurun. Permainan wau boleh dimainkan oleh golongan lelaki atau pun golongan perempuan. Secara umumnya permainan tradisional ini adalah lebih digemari dalam kalangan masyarakat desa. Hal ini adalah disebabkan kehidupan masyarakat desa yang mempunyai lebih banyak kawasan luas yang tanah lapang dan padang permainan yang mempunyai keluasan tempat untuk memudahkan pergerakan pemain mengayunkan wau di

ruang udara dan permainan ini juga memerlukan tempat berangin yang begitu sesuai untuk permainan wau tersebut. Tempat yang tidak berangin menyebabkan wau tidak boleh dimainkan. Permainan wau boleh dimainkan secara berpasangan iaitu melibatkan dua orang atau pun wau boleh juga dimainkan secara berkumpulan. Salah seorang pemain adalah bertindak mengayunkan wau manakala seorang lagi pemain akan memegang tali wau seterusnya bergerak secara perlahan-lahan kemudian berlari pantas sehinggalah wau naik dan terbang tinggi di udara. Apabila tali wau stabil terbang tinggi di udara maka pemain hendaklah memastikan dirinya dapat mengawal tali wau pada kedudukan tempat tersebut. Wau yang terbang tinggi di udara akan bergerak mengikut arus angin.

Pada ketika inilah memerlukan kebijaksanaan pemain mengatur kawalan pergerakan mengayunkan tali wau yang terbang di udara dengan cara melepaskan tali wau sedikit demi sedikit supaya wau yang terbang di udara tidak jatuh tersungkur di tanah. Kecuaian mengawal tali wau boleh mengakibatkan wau yang terbang tinggi di udara lalu jatuh di tanah kerana pemain yang cuai mengawal pergerakan tali semasa wau terbang di udara. Wau yang jatuh ke tanah boleh menyebabkan kertas wau terkoyak atau pun sayap wau patah. Sekiranya wau terkoyak atau pun mengalami kerosakan maka wau tersebut hendaklah segera dihantar ke tukang wau untuk memperbaiki kerosakan wau tersebut. Sekiranya wau mengalami kerosakan ringan seperti kertas wau terkoyak adalah wau masih lagi boleh diperbaiki dengan cara menampal bahagian wau yang rosak tersebut.

Selain itu pemilihan tali yang kukuh adalah perlu untuk mengelakkan wau terputus tali semasa wau terbang di udara. Seeloknya menggunakan tali wau yang panjang untuk membolehkan wau naik dan terbang tinggi di udara. Seeloknya adalah menggunakan tali wau hendaklah bersifat kukuh, ringan dan tidak berat untuk membolehkan wau terbang tinggi di udara dengan baik. Permainan wau boleh dimainkan di kawasan lapang yang mempunyai pengaliran ruang udara yang sangat baik. Kawasan lapang untuk memudahkan pemain bergerak mengayunkan wau. Selain itu wau memerlukan ruang udara yang sangat baik untuk membolehkan wau dinaikkan tinggi di ruang udara. Keupayaan wau mengimbangkan kedudukan tinggi di angkasa kerana kemahiran wau yang dihasilkan oleh tukang bertauliah. Kelazimannya apabila musim wau masyarakat berkumpul secara beramai-ramai di kawasan yang lapang seperti di padang, di persisiran pantai atau di kawasan sawah padi untuk bermain wau dan kelihatan bermacam saiz dan pelbagai rupa jenis wau terbang tinggi di udara seperti wau bulan, wau jala budi dan sebagainya yang diiringi pasukan sorak oleh pasukan pemain dalam pertandingan wau sambil menikmati suasana angin yang segar tubuh badan. Pasukan yang menang dalam pertandingan wau akan menerima hadiah seperti makanan dan sebagainya.

Ahmad Safar Arman (2021) menjelaskan permainan wau adalah memerlukan kawasan yang berangin. Apabila adanya tiupan angin, tali akan ditarik melawan arus angin dengan cara menghulur dan menarik tali sehingga wau naik dan terbang tinggi di udara. Begitu juga dengan Razi Said (2021) yang menyatakan bahawa permainan wau dimainkan di kawasan yang lapang seperti di padang atau pun kawasan sawah padi. Kawasan ini kebiasaannya adalah tidak ada halangan seperti pokok supaya ia tidak menyebabkan wau tersangkut sekiranya wau diterbangkan tinggi di udara.

Selain itu orang yang berkemahiran menghasilkan wau adalah dikenali sebagai tukang. Kelazimannya tukang berkeupayaan menghasilkan bermacam jenis wau seperti wau bulan, wau helang, wau merak, wau kapal, wau puyuh, wau kucing dan sebagainya. Setiap wau yang dihasilkan berkeupayaan menarik perhatian masyarakat daripada pelbagai golongan daripada kanak-kanak, dewasa sehingga orang tua. Terdapat masyarakat yang menyimpan wau sebagai koleksi simpanan dirumah, perhiasan. Wau sedemikian selalunya lebih mempamerkan keindahan dan kecantikan wau. Selain ada dalam kalangan masyarakat yang sanggup membeli

wau hanya sekadar sebagai barang permainan untuk bermain bagi mengisi masa lapang dengan bermain wau atau pun menyertai aktiviti pertandingan wau. Sebaliknya wau untuk permainan adalah lebih mengutamakan dahulu keseimbangan antara sayap kiri dan sayap kanan wau untuk membolehkan wau naik di udara dengan baik. Disamping memberi keindahan dan perhiasan untuk menjadikan wau lebih menarik perhatian masyarakat.

Selain itu, penghasilan wau yang indah adalah diciptakan oleh tukang yang mahir. Menurut Wan Abdul Kadir (1993) menyatakan mereka yang ahli atau pun pakar dalam sesuatu lapangan pertukangan dapat menghasilkan barangan yang halus dan bermutu tinggi buatannya. Walau bagaimanapun pengalaman yang diwarisi adalah amat penting dalam menentukan kebolehan seorang tukang dalam menghasilkan sesuatu yang halus buatannya. Hal demikianlah atas kepakaran dan kemahiran tukang yang tinggi dalam seni pertukangan terdapat kepelbagaian jenis wau di Malaysia dan setiap negeri adalah mempunyai identiti wau yang tersendiri mengikut kepakaran tukang masing-masing yang menghasilkan wau tersebut. Misalnya di negeri Kelantan dengan wau puyuh, wau bulan. Sementara itu di negeri Terengganu dengan wau helang. Sementara Johor adalah dengan wau merak. Seterusnya ialah negeri Selangor adalah wau kapal. Sementara negeri Pahang adalah wau punggung. Seterusnya negeri Sembilan dengan wau seri negeri. Sementara negeri Perlis adalah dengan wau helang. Sementara negeri Melaka dengan wau kikik. Manakala Sarawak dengan wau kenyalang. Negeri Kedah adalah wau jala budi.

PEMBUATAN WAU TRADISIONAL MELAYU

Keindahan dan kehalusan dalam seni pembuatan wau oleh tukang bertauliah dalam memberi keindahan kepada setiap wau yang dihasilkan dengan cara memberi warna, jalur dan ukiran atau motif yang menarik. Sehubungan itu tukang memainkan peranan yang penting dalam memberikan keindahan kepada wau yang dihasilkan adalah bergantung kepada kebolehan, kemampuan, kemahiran dan daya kreativiti tukang bertauliah masing-masing.

Selain itu tukang bertauliah yang mempunyai kemahiran dalam lukisan atau ukiran berkeupayaan mengilhamkan keindahan wau yang dihasilkan dengan rekaan yang mempunyai pelbagai corak yang menarik perhatian masyarakat. Dalam penghasilan wau memerlukan gabungan antara bentuk, fungsi dan keindahan yang disusun secara menarik yang menyatakan kemampuan tukang bertauliah dalam seni pembuatan wau dalam menguasai tradisi yang diwarisinya sejak zaman nenek moyang terdahulu.

Selain itu estetika wau dalam naskhah *Sulalatus Salatin* adalah boleh diperihalkan sebagaimana berikut:

Sekali persetua musim orang bermain **layang-layang**, maka segala orang muda-muda dan anak tuan-tuan semuanya bermain **layang-layang** berbagai rupa **layang-layangnya**. Maka Raja Ahmad, anak Sultan Mahmud Syah pun bermain **layang-layang** terlalu besar, seperti kajang sebidang besarnya; dan talinya tali kail tenggiri yang besar. Apabila banyak **layang-layang** orang sudah naik, maka dinaikkan bagindalah **layang-layang** itu. Setelah dilihat orang **layang-layang** Raja Ahmad itu naik, maka segala orang banyak habis menurunkan **layang-layangnya**, kerana barang **layang-layang** yang tergesel oleh **layang-layang** Raja Ahmad itu, putus. Maka Hang Isa Pantas pun membuat **layang-layang** kecil juga, talinya rami kembar tiga, maka disamaknya dengan samak kaca. Apabila Raja Ahmad menaikkan **layang-layang**, semua orang habis menurunkan **layang-layangnya**. **Layang-layang** Raja Ahmad pun berdekat dengan **layang-layang** Hang Isa Pantas, lalu bergesel. Maka tali **layang-layang** Raja Ahmad pun putus, jatuh ke Tanjung Jati.

(A Samad Ahmad, 2010: 200)

Petikan diatas menjelaskan aktiviti masyarakat Melaka setelah selesainya musim menuai padi. Kehidupan masyarakat di Melaka tidak melepaskan peluang mengisi masa lapang dengan berkumpul secara beramai-ramai dengan bermain layang-layang. Selain itu golongan istana iaitu Raja Ahmad iaitu anak kepada Sultan Mahmud Syah di Melaka adalah turut mengambil peluang untuk bermain aktiviti pertandingan layang-layang bersama dengan Hang Isa Pantas. Dalam pertandingan layang-layang tersebut adalah menyebabkan layang-layang Raja Ahmad yang terbang tinggi di udara telah terputus tali di udara kerana bergesel dengan tali layang-layang Hang Isa Pantas. Maka layang-layang Raja Ahmad telah hilang kawalan di udara kemudian layang-layangnya jatuh sampai hingga ke daerah Tanjung Jati. Dalam pertandingan layang-layang tersebut menunjukkan Raja Ahmad kalah dan tewas dalam pertandingan layang-layang dengan Hang Isa Pantas.

Sehubungan itu, permainan layang-layang adalah mempamerkan kebijaksanaan pemain dalam mengendalikan tali wau yang terbang tinggi di udara dalam permainan pertandingan wau. Kegagalan pemain mengawal kefungisian wau yang terbang tinggi di udara menyebabkan wau hilang kawalan dan jatuh tersungkur di tanah. Kekalahan dalam pertandingan layang-layang ini adalah boleh merendahkan martabat seseorang dan menjatuhkan maruah seseorang di hadapan khalayak yang ramai kerana kalah dalam pertandingan wau tersebut.

Selain itu estetika wau sepertimana yang dinyatakan oleh A Samad Ahmad (2010) dalam *Sulalatus Salatin* pada masa yang sama turut membincangkan mengenai layang-layang sebagaimana dalam petikan teks berikut:

Arkian Sultan Mahmud hendak pergi mengaji Maklumat pada Maulana Yusuf; akan tuan itu telah junun, jika **layang-layang** orang lalu di atas bumbung rumahnya, disuruhnya buang ali-ali. Setelah dapat, maka disuruhnya koyak **layang-layang** itu, dipesuk-pesukkan; katanya, “biadab, lalu di atas rumahku,” demikianlah kelakuan tuan itu. Maka Sultan Mahmud pun datang bergajah, banyak orang mengiringkan baginda pergi ke rumah Maulana Yusuf itu. Setelah datang ke pintu pagarnya, kata orang kepada penunggu pintunya, “Beritahu Maulana Yusuf, Yang Dipertuan datang”. Maka oleh penunggu pintu, diberinya tahu Maulana Yusuf; maka kata Maulana Yusuf, “apa kerja Sultan datang ke rumah...”

(A Samad Ahmad, 2010: 201-202)

Petikan diatas menjelaskan Sultan Mahmud Syah adalah sangat murka sekiranya ada layang-layang orang yang terbang di udara kemudian lalu di atas bumbung rumahnya maka disuruhnya orang buang ali-ali. Setelah dapat layang-layang tersebut adalah disuruhnya koyak layang-layang tersebut. Sehubungan itu, kelakuan dan tindakan masyarakat Melaka yang ketika itu sangat gemar bermain layang-layang sehingga terbang melalui bumbung rumah Sultan/Raja adalah dianggap mempamerkan sikap yang biadap atau kurang sopan perlakuan seseorang dihadapan Sultan/Raja. Keadaan ini boleh menimbulkan kemurkaan Sultan/Raja. Hal ini demikian kerana, kedudukan seseorang Sultan/Raja adalah lebih tinggi dalam hierarki masyarakat Melayu.

ESTETIKA KEPELBAGAIAN JENIS WAU

Terdapat kepelbagaian jenis wau yang mempunyai bermacam saiz wau dihasilkan oleh tukang wau bertauliah. Setiap wau yang dihasilkan oleh tukang wau bertauliah adalah mempunyai keunikan nama wau yang tersendiri. Antara nama-nama wau adalah seperti wau kucing, wau bulan, wau jala budi, wau burung merak, wau murai, wau kapal dan sebagainya. Wau yang

dihasilkan oleh tukang wau sebagai memenuhi permintaan masyarakat tempatan mahu pun pelancong. Wau bukan hanya sekadar barang permainan untuk bermain, sebaliknya wau dijadikan sebagai cenderamata, hadiah, perhiasan dinding rumah dan sebagainya.



GAMBAR 1. Terdapat kepelbagaian jenis wau yang telah siap dihasilkan oleh tukang



GAMBAR 2. Wau yang siap digantung tersusun



GAMBAR 3. Wau kucing



GAMBAR 4. Wau kucing yang siap dihasilkan



GAMBAR 5. Wau jala budi



GAMBAR 6. Wau bulan

ESTETIKA WAU DALAM MOTIF REKAAN, STRUKTUR DAN CORAK


Setiap corak, rekaan, warna dan bentuk wau yang dihasilkan oleh tukang adalah mempunyai makna yang tersendiri.



Berfungsi sebagai wau dan untuk menghias wau. Warna yang ada di corak bahan wau, akan ada di sini.

GAMBAR 7. Bahan untuk menghias wau

Gambar diatas menjelaskan motif pemilihan warna yang ada pada corak wau adalah berfungsi untuk menghias rekaan wau yang dihasilkan oleh tukang bertauliah.



GAMBAR 8. Makna motif pada rekaan wau



GAMBAR 9. Rekaan wau bermaksud lelaki



GAMBAR 10. Rekaan wau ini bermaksud perempuan

Wau Jala Budi ini, terdapat rekaan yang menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan. Kedudukan rekaan lelaki adalah berada di dalam dan saiz yang lebih besar. Seterusnya, terdapat juga rekaan perempuan yang bersaiz lebih kecil dan direka di bahagian luar. Rekaan ini telah menunjukkan peranan dan kedudukan antara lelaki dan perempuan dalam budaya tradisional Melayu.



GAMBAR 11. Rekaan “ibu” yang direka dalam wau jala budi



GAMBAR 12. Kencang emas




GAMBAR 13. Kencang kencana



GAMBAR 14. Rambu/jambul wau

ESTETIKA DALAM SENI PEMBUATAN WAU

Terdapat beberapa kemahiran yang perlu ada pada tukang untuk membuat wau. Antaranya ialah termasuk meraut, melukis (corak dan flora yang menjala dan sebagainya), memotong dan menampal dalam penghasilan wau oleh tukang bertauliah.



GAMBAR 15. Ketekunan tukang membuat wau

Kebanyakan tukang mempunyai cara yang tersendiri untuk mengukur dan menimbang apabila meraut rangka wau yang diperbuat daripada buluh. Meraut buluh dan memasang rangka wau yang tepat akan menentukan kecantikan bentuk wau dan dapat disokong dengan teraju. Petuanya telah diperolehi daripada orang tua, tetapi kebanyakan kemahiran sebenar akan diperolehi daripada pengalaman tukang yang terbiasa menghasilkan wau. Bahan utama yang terlibat bagi membuat wau ialah buluh, benang, kertas, gam dan pisau raut. Kepala, sayap, pinggang dan

ekor merupakan empat bahagian utama kepada wau. Banyak proses yang terlibat untuk menghasilkan permainan wau yang besar, cantik dan menarik.

Sebagai ringkasan, untuk mendapatkan bentuk wau yang cantik, buluh akan diraut dengan teliti dan halus. Selain itu pada bahagian sayap, ia akan ditimbang dengan menggunakan jari atau pun mata pisau demi mendapatkan timbang yang sama di antara sebelah kiri sayap dan kanan sayap pada bahagian wau. Bahagian wau ini amat penting supaya ia menentu dengan simetri dan tidak berat sebelah. Selain itu, kepada bahagian ekor, ia akan diraut oleh tukang. Buluh yang berada di bahagian ini akan lebih lembut berbanding dengan bahagian badan wau. Hal ini disebabkan oleh, memilih buluh yang lembut dapat mempengaruhi wau demi menyesuaikan dengan keadaan angin apabila wau diterbangkan di udara.

Menurut Muhamed Syaiq bin Salleh, Mohamad Nor Hisyam bin Musa, Sharifuddin bin Zainal, Lokman Abdul Samad & Nursiah Hj. Sabdin (2020) yang menyatakan bahawa jika sebuah wau mempunyai rupa yang cantik tetapi tidak boleh diterbangkan, maka cacatlah ia dari sifatnya kerana wau ini kemuncaknya adalah terbang pada ruangan langit yang terbentang luas.

Disebabkan itulah dalam proses untuk membuat wau adalah mengutamakan dengan memilih jenis buluh yang sesuai untuk dijadikan sebagai wau. Sekiranya menggunakan lidi maka wau tersebut adalah tidak kukuh untuk terbang lebih tinggi. Terdapat beberapa petua dalam pemilihan buluh yang berkualiti. Salah satunya adalah rumpun buluh itu mestilah yang terdapat di kawasan yang tinggi dan lapang dan bukannya di dalam semak atau pun dusun. Seterusnya ialah sebelum menebang buluh itu, penebang adalah digalakkan untuk membacakan doa dan selawat terlebih dahulu. Langkah yang lebih baik adalah jika buluh yang sudah ditebang hendaklah terus dipotong di kawasan situ juga. Ini jelas sekali bahawa sekiranya dalam proses penebangan buluh yang dipilih itu adalah tidak bagus, maka wau yang bakal diterbangkan itu adalah pastinya akan terbang dengan terhuyung-hayang yang akhirnya wau tersebut akan jatuh tersungkur ke tanah. Setelah ditebang buluh tersebut hendaklah disimpan selama beberapa hari di rumah.

Seterusnya buluh tersebut hendaklah diraut bagi membuang bahagian-bahagian yang tidak diperlukan seperti ruas dan kulit. Untuk memastikan wau yang dihasilkan adalah terbang dengan sempurna dan cemerlang adalah buluh yang digunakan untuk dijadikan wau tersebut perlulah dibuang sisa-sisanya yang tidak diperlukan supaya tidak mengganggu proses naik turunnya wau tersebut. Keberangkalan dengan adanya sisa-sisa ruas dan kulit pada buluh tersebut boleh menyebabkan mengganggu proses penerbangan wau.

Seterusnya adalah proses membuat rangka wau iaitu salah satu proses yang rumit yang hendak dilakukan oleh tukang bertauliah bagi membentuk badan wau. Ia adalah proses awal yang harus diperhalusi. Sewaktu membuat rangka wau, prosesnya adalah tidak perlu disiapkan dengan begitu cepat. Bentuk rangka wau itu adalah perlu diseimbangkan supaya wau dapat dinaikkan ke udara dengan baik. Untuk membuat rangka wau, ia haruslah seimbang pada setiap bahagian. Keseimbangan ini adalah dititikberatkan dalam memastikan bahagian kiri dan kanan wau adalah seimbang apabila wau diterbangkan di udara.

Seterusnya adalah apabila rangka wau sudah siap dicantumkan, maka ia perlu disatukan pula dengan kertas. Jenis-jenis kertas yang digunakan dan pemilihan warna kertas juga adalah tidak kurang pentingnya. Hal ini demikian kerana, setiap kertas itu adalah pastinya ada jisim dan beratnya yang tersendiri. Selain itu kertas bukan sekadar berfungsi untuk menghias rupa wau tersebut sahaja agak kelihatan cantik dan menarik. Malah ia turut berfungsi untuk menahan angin bagi membolehkan wau terbang tinggi di angkasa dengan baik. Kertas itu adalah melambangkan perhiasan pada wau. Jika pada wau, hiasan pada wau adalah perlu dicantikan dengan corak dan hiasan supaya wau kelihatan indah di langit.

Disebabkan itu jugalah sebelum wau diterbangkan, proses membuat teraju hendaklah diperkemaskan oleh tukang. Jika teraju wau itu senget, wau tersebut tidak dapat dinaikkan ke udara. Tali juga hendaklah dipilih dengan betul. Sekiranya wau yang dibentuk itu berbentuk besar, maka tali tersebut hendaklah tebal untuk menampung pergerakan wau yang besar tersebut. Tali dan teraju hendaklah bertindak untuk mengawal pergerakan wau tersebut. Tali dan teraju adalah perlu stabil dalam mengawal wau yang terbang di langit biru supaya indah.



GAMBAR 16. Rangka wau bersaiz besar




GAMBAR 17. Rangka wau bersaiz kecil

Selain itu, langkah-langkah untuk membuat wau adalah sebagaimana berikut:

- a) Memilih buluh merupakan langkah pertama untuk membentuk wau. Biasanya, pokok buluh duri akan digunakan untuk membuat wau. Buluh yang akan dipilih ialah buluh yang sederhana tuanya supaya ia tidak mudah patah.
- b) Sebelum buluh dipotong, ia akan diukur terlebih dahulu dengan ukuran yang dipilih untuk dibuat sayap, tulang belakang dan bahagian lain.
- c) Buluh akan dibelah dengan teliti. Dengan ini, buluh akan bersaiz sama dan mudah diraut.
- d) Belahan buluh akan diasingkan mengikut untuk dibuat sayap atau buat tulang belakang.
- e) Belahan buluh dicuci daripada buku buluh.
- f) Tulang belakang dibelah mengikut ukuran yang sesuai dengan sayap.
- g) Buluh sayap yang telah diraut telah diukur supaya kiri dan kanan dapat panjang yang sama.

- h) Untuk mendapatkan bilah buluh yang halus dan mudah diliut, bahagian sayap telah diraut dengan pisau.
- i) Sayap yang siap diraut akan ditimbang dengan jari atau pisau supaya sama timbang antara kiri dan kanan.
- j) Bilah buluh bahagian ekor akan diliut sebelum diikat bersama tulang belakang.
- k) Bahagian sayap dan ekor akan disedia dan diikat.
- l) Bahagian ekor diliut dan dibentuk supaya sama lekok seperti yang dikehendaki.
- m) Mengikat rangka wau bulan iaitu bahagian sayap, tulang belakang dan bahagian ekor.
- n) Meraut daun ibus demi membuat dengung atau busur wau.
- o) Busur akan dilekatkan di bahagian leher wau.
- p) Memastikan bahagian kepala dan sayap menjadi sama timbang untuk mengelakkan wau menjadi berpusing.
- q) Menampalkan corak pada badan wau.
- r) Memasang tali teraju.



GAMBAR 18. Langkah-langkah membuat wau bulan

KESIMPULAN

Keindahan wau sememangnya tidak dapat dipisahkan daripada seni hiasnya iaitu gabungan motif dan warna yang menghasilkan kepelbagaian jenis rekaan corak wau yang dihasilkan oleh tukang wau yang bertauliah. Keindahan seni pembuatan wau mencerminkan kreativiti tukang wau yang tekun kerana berkeupayaan menghasilkan wau yang menjadi daya tarikan pelancong untuk memiliki wau sama ada sebagai koleksi simpanan di rumah, cenderamata dan sebagainya. Keindahan wau hasil seni tukang Melayu bukan hanya sekadar permainan untuk mengisi masa lapang sekadar untuk berhibur. Selain itu wau dijadikan salah satu aktiviti pertandingan wau yang mempamerkan keindahan seni rupa wau yang bermacam rekaan corak dan bentuk yang

menarik seperti wau bulan, wau jala budi dan sebagainya apabila wau berkeupayaan mempamerkan kehebatan dan kemampuan wau untuk beraksi dengan pasukan lawan yang terbang tinggi di udara. Wau yang menang dalam aktiviti pertandingan wau adalah mendatangkan tuah kepada seseorang.

RUJUKAN

- Abdul Hadi W.M. 2000. *Cakrawala estetik dan budaya*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- Abdul Halim Ali. 2014. Konsep estetika bersepadu: satu kaedah baharu kaedah kritik estetik dalam kesusasteraan Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*, 1(9), 5-41.
- Ahmad Sarfan Arman. 2021. "Satu langit satu budaya". *Dewan Budaya*, Januari: 8-11.
- A Samad Ahmad. 2010. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bendetto. 1972. *Aesthetic: As Science of Expression and General Linguistic*. New York: Dover Publications.
- Hamdzun Haron. 2013. *Akal rekaan pandai seri warisan Melayu*. Selangor: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hosking, Wayne. 2004. *Kites of Malaysia*. MAS: Malaysia Airlines.
- Firmansyah Kusumayadi, Aris Munandar & Muhsanan Muhsanan. 2021. Pengembangan ekowisata di wau dalam meningkatkan pendapatan masyarakat desa kecamatan wawi kabupaten bima. *Jurnal Ilmu Pengetahuan dan Teknologi bagi masyarakat*, 1(2), 13-30.
- Maruwiah Ahmat. *Permainan tradisional*. Selangor: Get Smart Publications Sdn. Bhd, 2012.
- Muhamed Syafiq bin Salleh, Mohamad Nor Hisyam bin Musa, Sharifuddin bin Zainal, Lokman Abdul Samad & Nursiah Hj. Sabdin. 2020. Wau signification dalam telemovie "wau kasih". *Jurnal Gendang Alam*, 1(10), 6-39.
- Razi Said. 2021. Wau: warisan seni peninggalan Nusantara. *Dewan Budaya*, Febuari: 9-13.
- Shamsiah Sabaruddin, Surya Hafida Bahari dan Zuzitah Abd. Samad. 1993. *Wau*. Kuala Lumpur: Pustaka Bakti Wira.
- Wan Abdul Kadir. 1993. *Tradisi dan moden budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Masfami Enterprise.
- Wan Bakar, W. N., Awang, J., Mohd Hasbullah, M. S., & Ismail, M. 2022. Wau Bulan Motifs on Kelantanese Batik: An Ethnomathematics Study. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7(47), 213-219.
- Zuriawati Ahmad Zahari, Mohd Asyiek Mat Desa Norfarizah Mohd Bakhir. 2014. Permainan tradisional dan teknologi: penelitian dan tinjauan terhadap persepsi kanak-kanak. *International Conference On Creative Media, Design & Technology*, 2(4), 211-269.

Responden yang ditemu bual:

Nama: Encik Mazlan Bin Jaafar

Umur: 63 tahun

Nama: Encik Abbas Bin Yaakob

Umur: 69 tahun

Nama: Encik Mazlan Bin Jaafar

Umur: 63 tahun

Biodata Penulis

Azlina Musa (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu. Bidang kajian beliau adalah perubatan Melayu menggunakan keris.